

25/03/2003

Dr M kesal Singapura sokong serangan AS

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan tindakan negara jiran, Singapura, yang berpendirian menyokong peperangan diketuai Amerika Syarikat terhadap Iraq.

"Saya berpendapat ia agak malang sekali kerana jika anda (Singapura) menyokong perang sebagai jalan penyelesaian kepada masalah antara negara, maka anda juga harus menjangka perang terhadap negara anda sendiri," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membentangkan usul membantah tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq di lobi Parlimen, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai tindakan Singapura yang turut menyediakan kemudahan kepada pasukan tentera Amerika Syarikat bagi kempen serangan terhadap Iraq dan kini meningkatkan kawalan keselamatan bagi menghalang kemungkinan serangan penganas.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan Singapura, Tony Tan, dipetik sebagai berkata bahawa risiko republik itu diserang penganas semakin meningkat berikutan pencerobohan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat kerana Singapura menyokong tindakan itu.

Perdana Menteri ketika ditanya sama ada kerajaan membenarkan rakyat mengadakan bantahan umum beramai-ramai sebagai bantahan terhadap perang, berkata apa yang membimbangkan ialah kadang-kadang demonstrasi seperti itu tidak dapat dikawal.

"Mungkin dalam perasaan marah, geram, tindakan yang tidak sepatutnya diambil, akan diambil," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, belum tiba masanya bagi rakyat Malaysia menimbang kemungkinan memulaukan barangan keluaran Amerika Syarikat dan Britain seperti saranan sesetengah pihak bagi menandakan bantahan.

Malaysia juga, katanya, tidak akan mengkaji semula hubungan diplomatik dengan Washington meskipun ada pihak mendesak supaya berbuat demikian.

"Ini kerana kita percaya bahawa tindakan diambil kerajaan Amerika itu tidak menggambarkan pemikiran kebanyakan rakyat Amerika," katanya.

Mengenai kemungkinan kecaman kuatnya terhadap Amerika Syarikat memberi kesan jangka panjang kepada Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Ia boleh berlaku tetapi jika kita menutup (mulut) sepenuhnya, maka kita tidak jujur kepada diri sendiri."

Beliau berkata, Amerika Syarikat adalah negara yang paling berkuasa sehingga menakutkan banyak negara kerana ia berupaya untuk melakukan apa saja termasuk sekatan ekonomi, selain menyerang.

"Saya masih ingat ketika membuat satu kenyataan yang tidak disukai Amerika, mereka mula memberitahu orang Amerika supaya jangan melabur di Malaysia. Jadi kita terdedah, kita negara lemah.

"Kita tidak boleh melawan dalam perang, malah kita tidak berupaya untuk mempertahankan diri. Ini termasuk serangan ekonomi terhadap kita. Jadi sudah semestinya kita takut, ia boleh berlaku," katanya.

Ditanya oleh seorang wartawan BBC mengenai mesej yang mampu dilakukannya untuk menghentikan perang di Iraq memandangkan beliau sebagai pemimpin berpengalaman dan suaranya dilihat mewakili negara Islam, Dr Mahathir berkata, beliau akan cuba menulis surat kepada `kawan-kawan' di Amerika dan Britain.

Selain itu, badan bukan kerajaan (NGO) tempatan juga boleh menghubungi rakan sejawat mereka di negara terbabit untuk menyampaikan pandangan yang sama bagi membantah perang.

"Kita mengesyaki media di Amerika terutamanya tidak memberi gambaran sebenar mengenai pendapat dunia. Contohnya, apabila ada demonstrasi di seluruh dunia termasuk satu yang disertai sejuta orang di London, gambaran diberi kepada orang Amerika adalah demonstrasi di Baghdad.

"Sudah tentu ia tidak akan membantu tetapi kita akan cuba mempengaruhi pendapat umum di Amerika dan Britain supaya mereka berupaya untuk mempengaruhi kerajaan masing-masing," katanya sambil menambah, Malaysia tidak melihat dari sudut faedah yang diperolehnya apabila membantah serangan ke atas Baghdad.